

SPTA UMS anjur Bengkel Kebangsaan Inokulasi Gaharu

Oleh DESMOND QWEK

JB 5.3.2014 A2

KOTA KINABALU: Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan 2014.

Program dengan kerjasama G&G Management Consultant Sdn Bhd itu akan diadakan selama dua hari iaitu teori pada 16 April di Bilik Seminar, SPTA dan amali inokulasi pada 17 April di Ladang G&G di Papar, Sabah.

Bengkel sumpama itu yang dianjurkan buat julung-julung kalinya di Malaysia merupakan kesinambungan dari Seminar Gaharu Negeri Sabah pada tahun 2011, di mana ianya akan melibatkan syarikat dan agensi yang terlibat dalam industri gaharu.

Pensyarah UMS merangkap setiausaha bengkel Awang Ahmad Mohd. Yunus berkata, bengkel berkenaan merupakan platform terbaik bagi pengusaha pokok gaharu untuk mendapatkan teknologi terkini yang sedia ada bagi proses inokulasi gaharu dari pakar dan pemasar produk inokulasi gaharu.

Selain itu, bengkel itu yang turut mendapat pembentangan kertas kerja dari Prof. Ir. Dr. Abu Bakar dari Universitas Mulawarman Indonesia dan Dr. Muhamad Lebai Juri dari Agensi Nuklear Malaysia juga bertujuan untuk mewujudkan rangkaian pemasaran bagi penanam, pemproses dan penjual gaharu.

Gaharu kebiasaanya terhasil apabila pokok ‘Karas’ mendapat kecederaan sama ada disebabkan oleh faktor semula jadi seperti panahan petir, serangan serangga dan juga faktor gangguan manusia seperti takikan, potongan semasa pemangkasan dan sebagainya.

Permintaan yang tinggi terhadap gaharu telah menarik minat pengusaha tempatan untuk menanam pokok gaharu yang mana sejak lima tahun kebelakangan ini, ramai pengusaha cuba untuk menanam gaharu dengan harapan untuk memperolehi hasil pada satu jangka masa hadapan.

Pelbagai teori dan teknik telah dibangunkan sama ada di dalam atau luar negara untuk menghasilkan gaharu. Kesemua teknik ini menjurus kepada penghasilan gaharu yang berkualiti dan bermutu tinggi.

Ini seterusnya akan dapat meningkatkan hasil pendapatan penanam pokok gaharu sedia ada di Malaysia.

Menurut Ahmad, sejajar bengkel itu, penubuhan Persatuan Gaharu Sabah akan dibentangkan oleh Datuk George A. Ginibun dari G &G Management Consultant Sdn Bhd, di mana penubuhan persatuan ini amat penting dalam menentukan hala tuju industri gaharu di Sabah.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan keterangan lanjut bengkel dan penyertaan dengan menghubungi Ahmad di talian 016-8124883, di mana bengkel itu hanya membuka 65 penyertaan sahaja.